



## "INGATLAH SEBELUM TERLAMBAT".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَذِكْرٌ فَإِنَّ الدِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٥﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾
5	<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan dan kesejahteraan didunia dan diakhirat.
6	khutbah kali ini bertajuk " <b>INGATLAH SEBELUM TERLAMBAT</b> ".  <b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b>
7	Pernahkah kita merasakan betapa masa semakin singkat? Ya, memang itu merupakan salah satu tanda hampirnya hari kiamat. Namun begitu, sebelum kita memikirkan tentang hari kiamat yang pasti akan tiba, marilah kita muhasabah diri dalam kehidupan kita.



<p>Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p>	
<p>اِغْتَنِمِ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ</p>	8
<p><i>“Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara. Waktu mudamu sebelum datangnya waktu tuamu, waktu sihatmu sebelum datangnya waktu sakitmu, waktu kayamu sebelum datangnya waktu fakirmu, waktu lapangmu sebelum datangnya waktu sibukmu, waktu hidupmu sebelum datangnya waktu kematianmu.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Hakim).</i></p>	9
<p>Berdasarkan kepada hadis ini, dapat kita simpulkan bahawa terdapat lima nikmat yang penting untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam kehidupan kita.</p>	10
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Setiap manusia yang hidup didunia ini, menginginkan umur yang panjang. Umur yang diberkati dan diberi hidayah serta taufik daripada Allah SWT untuk mengerjakan ibadah dan amal soleh. Walau bagaimanapun ada kalanya Allah SWT meletakkan keberkatan umur, pada umur yang pendek. Tetapi ibadat dan kebajikan mereka banyak, dibandingkan dengan orang yang lanjut usianya.</p>	11
<p>Sebagai contoh, Imam al-Syafie meninggal dunia ketika berumur 54 tahun, Imam al-Ghazali meninggal dunia dalam usia 55 tahun. Sementara Imam al-Nawawi, meninggal dibawah umur lima puluhan. Akan tetapi mereka telah dapat melakukan banyak kebajikan dari keberkatan umurnya.</p>	12



<p>Sesungguhnya hidup didunia ini hanyalah sementara, akhirat jua tempat yang kekal abadi. Bila sampai masanya kematian akan mendapatkan kita. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Nisa'ayat 78:</p> <p>أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ</p>	13
<p><i>"Dimana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal) sekali pun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh".</i></p>	14
<p>Oleh itu, kita perlu bisikkan dalam hati, apakah kita sudah membuat persediaan untuk menghadapi hari akhirat?</p>	15
<p><b>Muslimin yang mulia,</b></p> <p>Bersyukurlah kita kehadiran Allah SWT kerana dikurniakan kesihatan yang baik untuk membolehkan beribadah dengan sempurna. Pentingnya kesihatan, sebagaimana kata Imam Ghazali ketika menasihatkan muridnya: "Mati itu ada kalanya datang dengan serta merta. Andai kata mati tidak datang dengan serta merta, sakit akan datang dengan serta merta. Apabila anda sakit, nescaya anda tidak akan berdaya-upaya lagi untuk mengerjakan amalan-amalan soleh, sedangkan amalan soleh itu adalah bekal akhirat."</p>	16
<p>Oleh itu, kesempatan hidup ini hendaknya dimanfaatkan sepenuhnya. Terutama usia muda, hendaklah digunakan untuk mencapai sifat-sifat mulia, menambah ilmu, memperoleh kedudukan yang tinggi dalam urusan agama dan seumpamanya. Kerana apabila sampai usia tua, badan lemah amat sukar menunaikan ibadah, terutama ibadat solat, puasa bulan Ramadan dan ibadat Haji.</p>	17



<p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p> <p>Menyentuh tentang harta, tentulah menjurus kepada amalan menginfaqkannya ke jalan Allah SWT. Firman Allah surah al-Hadid ayat 7:</p> <p>ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ ۗ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَخْلَفِيْنَ فِيْهِ ۗ فَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ وَاَنْفَقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ ﴿٧﴾</p>	18
<p><i>“Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.”</i></p>	19
<p>Sebenarnya, harta yang kita miliki pada hakikatnya adalah milik Allah SWT. Oleh itu, hendaklah kita infakkan sebahagiannya, untuk membantu fakir miskin, menyantuni anak yatim, menyumbang untuk kemaslahatan ummah. Lebih-lebih lagi kita Infakkanlah sebagai berwakaf, kerana ganjaran pahalanya berterusan walau pun kita telah meninggal dunia.</p>	20
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Sudah menjadi lumrah alam, setiap manusia inginkan hidup mewah, sentiasa muda dan sihat. Namun perlu diingat, langit tidak selalunya cerah. Sampai masanya kemewahan mungkin berkurang, usia semakin lanjut, badan uzur, dan ingatan berkurangan. Justeru, janganlah kita terpedaya dengan godaan nafsu yang melalaikan kita untuk beribadah. Demikian juga masa lapang adalah suatu nikmat Allah yang tidak kurang pentingnya untuk kita manfaatkan. Ibadat yang telah tertinggal seperti solat fardu dan puasa Ramadhan boleh kita qada'. Seterusnya memperbanyakkan zikir dan bertaubat kepada Allah SWT.</p>	21



<p>Imam al-Syafie rahimahullah setelah mencapai umur empat puluh tahun, mula berjalan bertongkat. Apabila ditanya sebabnya, beliau berkata, "Biarlah aku sentiasa ingat, bahawa aku kini sedang berjalan menuju akhirat".</p>	22
<p>Demikian Imam al-Syafie mengingatkan dirinya supaya tidak lupa saat kematian dan menghadapi hari akhirat.</p> <p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	
<p>Bagi mengakhiri khutbah ini, dapat kita simpulkan beberapa pengajaran, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah beriman dengan yakin bahawa kehidupan dunia ini hanya sementara dan akhirat juga tempat kekal abadi.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menghargai nikmat usia yang lanjut, kesihatan, harta dan masa lapang dengan beribadat.</li><li>3. Umat Islam hendaklah bijak mengurus masa dengan sebaiknya agar tidak terlalai daripada mentaati perintah Allah SWT.</li></ol>	
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾</p>	
<p><i>"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Asr : 1-3).</i></p>	



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	23
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	24



## KHUTBAH KEDUA


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إله إلا الله, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	6
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	7
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	8
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج	9
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	10
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.	11
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	12





	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15